

KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

PENCAPAIAN TINDAKAN PENGUATKUASAAN DAN
PERUNDANGAN DI BAWAH UNDANG-UNDANG KESIHATAN
AWAM BAGI BULAN MAC, 2011.

Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa berusaha meningkatkan mutu perkhidmatan untuk kesejahteraan penduduk Malaysia, dan ini termasuklah mengambil tindakan penguatkuasaan undang-undang kesihatan awam untuk kepentingan kesihatan awam.

Bagi bulan Mac , 2011 kami ingin memaklumkan hasil dan tindakan penguatkuasaan kesihatan awam.

- 1). Melalui tindakan penguatkuasaan Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975 bagi tujuan kawalan wabak denggi, sejumlah 1,618 kompaun yang bernilai RM 682,355.00 telah dikeluarkan dengan purata RM421.00 tiap kompaun. Sejumlah 159 kes telah didaftar untuk tindakan mahkamah di dalam masa yang sama 64 kes telah diselesaikan oleh mahkamah dimana sejumlah RM34,710.00 denda dikenakan, iaitu purata dengan RM542.00 tiap denda.

- 2). Melalui penguatkuasaan kawalan hasil tembakau (PPKHT 2004) daripada 6,373 lawatan pemeriksaan, sejumlah 1,410 kompaun bernilai RM 309,845.00 dikeluarkan dengan nilai purata RM220.00 tiap kompaun. Sejumlah 443 telah didaftar ke mahkamah didalam masa yang sama sejumlah 55 kes dengan denda RM14,060.00 telah diselesaikan oleh mahkamah. Purata denda tiap kes adalah RM256.00.

Adalah dimaklumkan bahawa tindakan penguatkuasaan adalah pilihan terakhir yang diambil oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Orang ramai, serta semua pihak adalah diminta untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab masing-masing agar keberkesanan pelaksanaan aktiviti kesihatan mencapai tahap optimum.

Sekian dan terima kasih.

DATO' DR. HASAN BIN ABDUL RAHMAN

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

21 April 2011